

ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, DAERAH PENTADBIRAN, MALAYSIA, 2024



3 DAERAH PALING RAMAI PENDUDUK

1	Petaling, Selangor	2.4 juta
2	Johor Bahru, Johor	1.8 juta
3	Ulu Langat, Selangor	1.5 juta



3 DAERAH KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK TAHUNAN TERTINGGI

1	Kinabatangan, Sabah	9.6%
2	Kalabakan, Sabah	9.6%
3	Cameron Highlands, Pahang	8.4%



3 DAERAH PENDUDUK TERTINGGI WARGANEGARA

1	Petaling, Selangor	2.1 juta
2	Johor Bahru, Johor	1.6 juta
3	Ulu Langat, Selangor	1.3 juta



3 DAERAH NISBAH JANTINA TERTINGGI

1	Bukit Mabong, Sarawak	153
2	Cameron Highlands, Pahang	153
3	Bentong, Pahang	133

Bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan



3 DAERAH UMUR PENENGAH TERTINGGI

1	Lubok Antu, Sarawak	38.6 tahun
2	Saratok, Sarawak	37.8 tahun
3	Kabong, Sarawak	35.8 tahun



3 DAERAH KOMPOSISI PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK TERTINGGI BAGI WARGANEGARA

1	Setiu, Terengganu	99.7%
2	Nabawan, Sabah	99.6%
3	Hulu Terengganu, Terengganu	99.4%



Cina

1	Timur Laut, Pulau Pinang	63.7%
2	Kampar, Perak	48.1%
3	Sibu, Sarawak	48.0%



India

1	Bagan Datuk, Perak	23.2%
2	Klang, Selangor	18.7%
3	Port Dickson, Negeri Sembilan	18.3%



Lain-lain

1	Padang Terap, Kedah	7.2%
2	Kinabatangan, Sabah	7.1%
3	Kunak, Sabah	6.0%




11 DAERAH BAHARU MENUA

1	Beluru, Sarawak	7.5%
2	Mukah, Sarawak	7.2%
3	Telang Usan, Sarawak	7.2%
4	Kuala Langat, Selangor	7.2%
5	Sepang, Selangor	7.2%
6	Muallim, Perak	7.2%
7	Segamat, Johor	7.1%
8	Tumpat, Kelantan	7.1%
9	Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	7.1%
10	Tenom, Sabah	7.1%
11	Kuala Selangor, Selangor	7.1%

Nota:
i. P Permulaan
ii. Data tahun 2023 dan 2024 adalah merujuk kepada data anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020.
iii. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.

Sumber: Anggaran Penduduk Semasa, Daerah Pentadbiran, 2024
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

30 daerah pentadbiran penduduk tertinggi dan kadar pertumbuhan, 2024



Semua daerah di Kedah dan Perak mencapai status daerah menua

- Pada 2024, sebelas daerah dikenal pasti sebagai daerah menua iaitu penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 7.0 peratus. Daerah ini adalah Beluru (Sarawak), Kuala Langat (Selangor), Telang Usan (Sarawak), Sepang (Selangor), Mukah (Sarawak), Muallim (Perak), Tenom (Sabah), Seberang Perai Tengah (Pulau Pinang), Segamat (Johor), Tumpat (Kelantan) dan Kuala Selangor (Selangor). Semua daerah di dua buah negeri di utara Malaysia, Perak dan Kedah telah menjadi daerah menua.
- Lubok Antu, Sarawak mencatatkan umur penengah tertinggi 38.6 tahun pada 2024, diikuti oleh Saratok, Sarawak (37.8 tahun) dan Kabong, Sarawak (35.8 tahun). Tumpat, Kelantan mencatatkan nisbah tanggungan jumlah tertinggi iaitu 65.1. Gua Musang, Kelantan mencatatkan nisbah tanggungan umur muda tertinggi iaitu 53.9, manakala nisbah tanggungan umur tua tertinggi dicatatkan di Lubok Antu, Sarawak (22.4).
- Komposisi penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) tertinggi pada 2024 dicatatkan di Kecil Lojing dengan 33.8 peratus, diikuti Gua Musang (33.4%) dan Tumpat (32.3%) di Kelantan. Manakala, Sebauh, Sarawak mencatatkan peratusan penduduk umur bekerja (15-64 tahun) tertinggi dengan 79.5 peratus, diikuti oleh Kinabatangan, Sabah (78.4%) dan Belaga, Sarawak (78.3%). Lubok Antu, Sarawak mempunyai penduduk paling tua tertinggi (65 tahun dan lebih) dengan 15.1 peratus.
- Perempuan melebihi lelaki bagi tiga belas daerah iaitu Muallim, Perak dengan nisbah jantina 92 lelaki bagi setiap 100 perempuan, diikuti Samarahan, Sarawak (94); Bachok, Kelantan (94); Song, Sarawak (95); Saratok, Sarawak (97); Kubang Pasu, Kedah (97); Julau, Sarawak (98); Tumpat, Kelantan (98); Pasir Puteh, Kelantan (98); Kanowit, Sarawak (99); Maradong, Sarawak (99), Machang, Kelantan (99) dan Kota Setar, Kedah (99). Bukit Mabong, Sarawak dan Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nisbah jantina tertinggi pada 2024 dengan masing-masing 153 lelaki bagi setiap 100 perempuan diikuti Bentong, Pahang (133).

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI

